

**DEWAN MAJLIS****Isnin, 27 Jamadilawal 1437 / 7 Mac 2016****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, PSNB., DPMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Awang Lim Jock Seng, PSNB., SPMB., PHBS., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, PSNB., SPMB., PHBS., Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat, DPMB., PJK., PIKB., Menteri Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi, DPMB., PIKB, Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

#### **AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran (Dr.) Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, DK., SPMB., DSNB., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL.  
**(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, DPKT., DSLJ., PBLI., PJK., PIKB., PKLP.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin, DPMB., PHBS., PJK.

Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, SNB., SMB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman, DPMB., SNB., PJK., PKL.

Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar, DPMB., SLJ., PJK., PKL.

Yang Berhormat Haji Awang Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, SNB., SMB., PSB.

Yang Berhormat Awang Haji Zulkipli bin Haji Abdul Hamid, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin, DPMB., SSUB., PIKB., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain, SMB., PSB., PIKB., PKL., Zon 1 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Md. Daud bin Karim, PSB., PIKB., PKL., Zon 2 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., Zon 3 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim, PJK., PIKB., PKL., Zon 4 - Brunei.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, SMB., Zon 1 - Belait.

Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, PIKB., PKL., Zon 2 - Kuala Belait dan Seria.

Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf, DPMB., PSB., PJK., PIKB., PKL. Zon 1 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, PIKB., PKL., Zon 2 - Tutong.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, SNB., SMB., PSB., Kelima-lima Mukim Daerah Temburong.

## **HADIR BERSAMA:**

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Judin Haji Asar, DPMB., SLJ., POAS., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

Yang Mulia Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail, PIKB., Timbalan Jurutulis Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

### **Mesyuarat mula bersidang pada pukul 2.30 petang**

#### **Yang Dimuliakan Jurutulis:**

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas bagi Majlis Mesyuarat Negara bersidang hari ini, Isnin, 27 Jamadilawal 1437 bersamaan 7 Mac 2016 didahului dengan Doa Selamat.

#### **DOA SELAMAT**

Doa Selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang. (Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddien).

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya juga, kita dapat bersama-sama hadir pada petang ini bersidang bagi hari yang kedua dalam Majlis Mesyuarat Pertama Dari Musim

Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut baginda yang setia lagi taat hingga ke akhir zaman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada hari Sabtu, 5 Mac 2016 yang lepas, Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selesai disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan seterusnya baginda juga telah berkenan mengurniakan titah. Majlis ini sebagaimana lazimnya menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih dan menjunjung tinggi atas keberangkatan dan titah yang dikurniakan oleh baginda.

Ahli-ahli Yang Berhormat antara pendekatan yang dapat dipetik dalam kandungan titah baginda ialah tentang peranan Majlis Mesyuarat Negara ini sendiri dalam memainkan peranannya sebagai sebuah *platform* yang penting agar perbincangan hendaklah memfokuskan terhadap perkara-perkara strategik demi kepentingan negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan semula Persidangan Majlis Mesyuarat Negara pada tahun 2004 hingga kepadah tahun lepas iaitu 2015, saya telah difahamkan bahawa sebanyak 300 lebih Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis iaitu berkenaan dengan isu-isu pendidikan, sosial, agama, pembangunan, perhubungan dan lain-lain lagi telah pun dibincangkan dan dibahas.

Oleh yang demikian, dalam menyentuh titah baginda tentang susulan pelaksanaan terhadap perkara-perkara yang telah dibincangkan itu perlulah dititikberatkan dengan mengambil pendekatan *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Justeru, Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah berpandangan ke hadapan dengan mengambil langkah-langkah mitigasi dalam menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang. Baginda juga telah menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik akan dapat sama-sama memikirkan tentang cara-cara bagi mengurangkan pergantungan negara terhadap sumber minyak dan gas serta bagaimana negara dapat menjana pendapatan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat. Baginda juga bertitah tentang merealisasikan sektor swasta dalam infrastruktur perniagaan yang lebih mudah dan berkesan bukan hanya setakat *self-sufficiency* malah melalui pertumbuhan ekonomi secara eksport.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya perkara-perkara ini akan lebih lanjut dan tepat untuk diteliti oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan mendalam semasa kita membincangkan perkara-perkara seperti Perkara VI, Usul Yang Telah Diberi Notis dalam menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih ada tugas-tugas yang masih perlu diselesaikan di hadapan kita, maka kita berpindah sekarang ke perkara-perkara yang seterusnya.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Perkara IV, kertas-kertas yang akan dibentangkan di atas meja, Kertas No. 1 Tahun 2016 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:** يسْعَى اللَّهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan segala hormat memohon izin kepada Yang Berhormat yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja Kertas No. 1, Tahun 2016 iaitu Senarai Perintah-Perintah Darurat yang telah diluluskan dalam tahun 2015

menurut Fasal 83 daripada Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Kertas No. 2 Tahun 2016 akan dibentangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II, (Kedua), Negara Brunei Darussalam.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Kewangan II (Kedua):**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kaola dengan segala hormatnya memohon keizinan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua untuk membentangkan di atas meja, Kertas No. 2 Tahun 2016 iaitu Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara bagi Tahun Kewangan 2016/2017. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah pun mengikuti dua perkara yang dibentangkan di atas meja. Maka sekarang saya ingin meminta atau mempersilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat kenyataannya.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal**

**Dalam Negeri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Ta’ala Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, saya dan mewakili rakan-rakan saya iaitu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua) bangun berdiri ingin mencadangkan satu usul iaitu mengikut Peraturan 4 (3) dari Peraturan-Peraturan Mesyuarat Bagi Majlis Mesyuarat Negara telah membolehkan supaya Perkara VI, iaitu Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis, Perkara VII, Rang Undang-Undang (2016), Perbekalan 2016/2017 dan Perkara VIII: Ketetapan-Ketetapan iaitu Ketetapan di bawah Fasal 83 (7) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 1959 dan Ketetapan di bawah Bab 4(2) dari Akta Kumpulan Wang Kemajuan Penggal 136, adalah lebih dahulu untuk dibincangkan daripada perkara-perkara lain dalam mesyuarat ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara ini saya cadangkan kerana perkara-perkara tersebut adalah amat mustahak untuk diluluskan dengan segeranya dalam mesyuarat ini, bagi melicinkan pentadbiran-pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh Kewangan 2016/2017. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua):**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang

Di-Pertua saya menyokong usul yang telah dicadangkan Oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua saya menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

### **Yang Berhormat Yang**

**Di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mengemukakan satu usul iaitu untuk mendahulukan perbincangan Perkara VI, Perkara VII dan Perkara VIII daripada susunan kerja menurut Peraturan 4(3) dari Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi Majlis Mesyuarat Negara dan telah disokong oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II (Kedua).

Saya berpendapat bahawa perkara ini jelas dan tidak perlu untuk dibahaskan lagi. Maka saya ingin bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain adakah usul ini dipersetujui atau sebaliknya? Nampaknya semua Ahli bersetuju.

Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Persidangan ini disambung untuk membincangkan Perkara VI. Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis.

**Yang Dimuliakan Jurutulis:** Perkara VI, Usul-usul Yang Telah Diberi Notis yang akan dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

### **Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Sayyidina Muhammadin Asyrafil Anbiya' Walmursaleen, Wa'talaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya juga Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara telah selamat disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Sebagaimana juga yang disarankan oleh Yang Berhormat Yang Di-Pertua pada hari Sabtu, 5 Mac 2016 dan tengah hari ini, bahawa adalah bersesuaian bagi kita di Dewan yang mulia ini untuk menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara dan seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Majlis ini menjunjung kasih atas kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mengandungi nasihat dan peringatan serta pandangan jauh baginda khasnya dalam memperkasa pertumbuhan ekonomi dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat terutama dalam mengharungi cabaran ekonomi global yang dihadapi pada masa ini.

Titah baginda itu jelas mencerminkan keprihatinan, pemedulian dan kebijaksanaan baginda. Baginda telah mengulangi betapa pentingnya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberikan idea-idea yang bernas dan strategik yang membawa impak kepada ekonomi negara dan juga bagi melipatgandakan usaha masing-masing dalam menangani permasalahan rakyat dan negara ini. Baginda sekali lagi menekankan dan ini telah pun baginda titahkan beberapa kali mengenai pentingnya pencapaian atau penghasilan sesuatu rancangan.

Baru-baru ini, sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-32, baginda telah menitahkan supaya rancangan-rancangan atau pelan-pelan tindakan memerlukan kebijaksanaan kerana tanpa kebijaksanaan segala usaha boleh saja gagal atau tidak memuaskan. Baginda juga menasihatkan bahawa dalam merancang dan bertindak juga memerlukan dasar yang jelas dan dasar kita di negara ini ialah MIB.

Setiap rancangan perlu diukur menurut *KPI* atau *Key Performance Indicators* kerana itu, baginda menyarankan perlunya apa juga perancangan atau inisiatif mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, dengan itu saya bangun berdiri di sini mencadangkan satu usul yang berbunyi:-

Majlis ini bersetuju meluluskan satu Usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Majlis ini pada Hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 dan atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang majlis ini menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sejak tahun 2015, kita telah menyaksikan kedudukan ekonomi dunia merudum. Negara Brunei Darussalam juga menerima kesan dari keadaan ini. Ekonomi Negara Brunei Darussalam pada Tahun Kewangan 2016/2017, dijangka berada dalam keadaan yang lebih mencabar jika dibandingkan dengan Tahun Kewangan 2015/2016.

Faktor penyebab utama keadaan ekonomi yang mencabar adalah kesan kejatuhan harga minyak mentah. Sekali lagi dalam titah baginda baru-baru ini, baginda dengan tegas menyatakan bahawa cabaran sangat berpotensi untuk membawa kepada perubahan, kerana itu janganlah takut kepada cabaran, cuma cabaran itu mestilah dihadapi dengan kebijaksanaan. Kebijaksanaanlah yang menentukan corak perubahan kepada yang lebih baik.

Ke arah inilah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menaruh harapan yang besar agar Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, mengemukakan saranan-saranan atau buah fikiran mengenai cara-cara mengurangkan pergantungan pada sumber minyak dan gas. Bagaimana

negara dapat menjana pendapatan dan kerajaan menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat.

Dalam langkah menangani kemungkinan bahawa harga minyak ini kekal rendah untuk beberapa jangka waktu lagi, dan bagi menghadapi keadaan dunia yang tidak menentu, kerajaan telah mengambil langkah-langkah konkret untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan. Ini termasuk infrastruktur, perundangan yang probisnes serta penubuhan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai *Darussalam Enterprise* yang bertujuan membantu membangun dan meningkatkan pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana atau *SME* serta inisiatif-inisiatif lain.

Dalam usaha membantu membangun dan memper-kembangkan ekonomi negara ke arah mewujudkan suasana perniagaan yang probisnes dan *business friendly* ini, agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab akan sentiasa meneliti, mengemas kini dan membuat reformasi yang tertentu mengenai tatacara melaksanakan tugas bagi memudahkan para peniaga tempatan dan pelabur-pelabur luar negeri untuk melabur di negara ini.

Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa komited dan terus berusaha memperbaiki persekitaran perniagaan yang boleh memperkasa ekonomi negara agar dapat berkembang

maju. Ke arah ini semua lapisan masyarakat diminta untuk berganding bahu dan penuh gigih dan iltizam meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, terutama di luar sektor minyak dan gas yang dikenal pasti boleh dikembangmajukan. Ini memerlukan kita untuk lebih inovatif dan kreatif serta dengan berani meneroka peluang-peluang baharu.

Sekali lagi, kita perlu dengan serius mengamati titah baginda supaya membebaskan diri daripada segala sikap yang merugikan iaitu suka berpeluk tubuh dan ketandusan semangat patriotik dan melangkah bergerak menjadi lebih *super* dan progresif bukan lebih culas dan lemah. Kita sewajarnya bertindak menjadikan semua cabaran yang dihadapi sebagai peluang.

Walaupun negara masih mampu menyediakan sejumlah peruntukan bagi pembangunan negara dan operasi kerajaan namun kita mesti mengambil sikap berhemah dalam berbelanja dengan lebih memfokus kepada keperluan dan keutamaan. Dengan usaha-usaha sedemikian dan disertai dengan budaya berhemah, kerajaan dalam jangka panjang insya-Allah akan dapat meneruskan program-program pembangunan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk, sama ada bermastautin di kawasan bandar maupun di kawasan-kawasan luar bandar tidak akan terjejas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertumbuhan ekonomi sebuah negara bergantung pada peranan kerajaan dan sektor swastanya. Sehubungan itu, kita semua wajar mempunyai pandangan yang jauh dan cepat ke hadapan. Kita perlu meningkatkan *sense of urgency*, agar penjimatan, penambahbaikan dan urus tadbir dalam kerajaan dan perniagaan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga bertitah, bahawa kita masih mampu untuk melakukan yang terbaik dengan tidak mengambil sikap mudah berpuas hati dengan pencapaian-pencapaian yang ada. Dalam melangkah ke hadapan, kita perlu melakukan anjakan paradigma atau perubahan minda untuk menerokai strategi dengan berani, kreatif, inovatif yang akan mampu mengubah cara kita berfikir dalam membawa kita ke tahap pembangunan yang lebih tinggi. Perubahan minda seperti ini haruslah ditekankan kepada dua aspek iaitu budaya prestasi dan penyampaian di peringkat sektor awam dan swasta, khasnya kepada generasi muda.

Adalah perlu untuk kita meningkatkan kerjasama dan bekerja secara berpasukan antara sektor awam dan swasta dalam menanam semangat bersatu padu untuk merangsang pertumbuhan ekonomi.

Perubahan minda perlu diterapkan bagi membentuk pemikiran yang selari dengan aspirasi negara bagi

menghasilkan nilai tambah dalam tugas dan keupayaan menyediakan warga perkhidmatan awam yang membudayakan nilai-nilai murni, ini termasuk memupuk keperibadian jati diri bagi menghadapi ekpektasi pelanggan dalam situasi kini yang kian mencabar. Warga perkhidmatan awam juga perlu diterapkan dengan budaya kerja cemerlang agar dapat memberikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, produktif serta berkesan.

Budaya prestasi di sektor awam dan swasta ini adalah sangat diperlukan sebagai salah satu prasyarat penting bagi mencapai aspirasi hala tuju Wawasan Brunei 2035. Marilah kita bersama mempertingkatkan sikap sentiasa bertanggungjawab dan menyumbang kepada perekonomian negara dengan meneroka pelbagai modaliti seperti perkongsian sama awam dan swasta, *public private partnership* dalam membangun infrastruktur yang berpotensi menjana perekonomian yang lebih tinggi.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang Kedua Belas ini, marilah kita berusaha mengukuhkan sektor awam dan swasta untuk lebih berkesan dan berkualiti terutama dalam mempertimbangkan peruntukan kewangan dan perbelanjaan negara. Pada masa yang sama, rakyat negara ini juga diseru untuk sentiasa berjimat cermat dalam pengurusan perbelanjaan

dan sentiasa bijak dalam menangani apa jua cabaran.

Berdasarkan apa yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita semua diseru agar menjalankan dasar yang kukuh dan sempurna serta mampu untuk memangkin pembangunan di samping juga untuk melahirkan masyarakat yang baik. Apa jua perancangan atau inisiatif perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Kita perlu mengambil langkah-langkah mitigasi dan membuat persediaan sewajarnya sebelum didatangi oleh sebarang persoalan. Dari itu, marilah kita sama-sama bermesyuarah dengan membuat perundingan secara baik. Inilah sebenarnya pendekatan yang dianjurkan oleh Islam yang selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja, falsafah negara kita. Mudah-mudahan dengan perbahasan yang matang dan berkualiti, kita akan dapat melaksanakan tanggung-jawab kita dalam sama-sama memartabatkan institusi Majlis Mesyuarat Negara sebagai sebuah institusi penting bagi pembangunan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sebelum mengakhiri ucapan sembah menjunjung kasih ini, saya penuh berharap dengan kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua,

perbincangan-perbincangan yang akan mengambil tempat dalam beberapa hari yang akan datang diharap akan mampu membantu pihak kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha dalam membangun negara yang sama-sama kita cintai ini.

Selari dengan pembangunan tersebut, kita akan terus mengekalkan identiti kita sebagai sebuah negara yang berpaksikan kepada konsep MIB yang rakyat dan penduduknya akan terus hidup dalam keamanan, ketenteraman, kesejahteraan yang berterusan dan berkekalan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menerusi kesempatan ini, saya sukacita mengucapkan tahniah kepada 5 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru atas jawatan ke Majlis Mesyuarat Negara ini dan berharap akan dapat sama-sama memikul amanah pada memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya sekarang ingin meminta jika sekiranya ada ahli

yang boleh menyokong atau suka untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

**Yang Berhormat Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian:**

سُبْحَانَ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyokong sepenuhnya usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah mencadangkan satu usul dalam menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016. Usul ini telah disokong sepenuhnya oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian. Maka saya sekarang ingin membuka supaya usul ini dibahaskan.

Dalam senarai yang terdapat pada saya ketika ini, saya dahulukan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Alhamdulillahi  
Rabbil'alameen. Wassalaatu Wassalamu  
'Alaa Sayyidina Muhammadin Wa'ala  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een.



Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera. Lebih dahulu, kaola/saya ingin menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara 2016 pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 yang lalu.

Sesungguhnya, titah baginda sangat-sangat mengharapkan kita semua

selaku ahli dalam Majlis Mesyuarat Negara ini untuk berpandangan lebih jauh dan cepat ke hadapan termasuk dalam perkara-perkara yang akan membawa impak kepada kemajuan dan pertumbuhan ekonomi negara ini.

Dari titah baginda itu, terdapat isu-isu ekonomi yang kritikal yang baginda telah tekankan dan titah kali ini pada pengamatan kaola/saya seperti juga yang baginda telah tekankan semasa titah baginda bersempena Menyambut Awal Tahun Baharu Masihi 2016. Ini menunjukkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangat mengambil berat serta prihatin terhadap prestasi pertumbuhan ekonomi negara kita yang lembap dalam beberapa tahun kebelakangan ini, yang ditambah pula dengan penurunan harga minyak dunia sepanjang beberapa bulan yang lalu. Titah yang terbaru ini, dari penelitian kaola/saya memberi penekanan-penekanan seperti berikut:-

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat-sangatlah ingin mendengar saranan-saranan ataupun buah fikiran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan negara pada sumber minyak dan gas;
2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

- Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menginginkan bagi kita semua untuk sama-sama memikirkan bagaimana negara dapat menjana pendapatan, dan
3. seterusnya bagaimana pula kerajaan dapat menjadi rakan kongsi dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara dan rakyat;
  4. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kemudiannya, menyarankan pula supaya industri-industri tempatan kita tidak hanya menyasarkan sara diri atau *self-sufficient* semata-mata. Justeru, baginda mengharapkan pula supaya industri-industri tempatan kita ini menerokai pasaran eksport dengan merebut peluang-peluang pasaran serantau dan antarabangsa yang begitu luas melalui rangkaian-rangkaian pemangkin yang sedia ada seperti *BIM-EAGA*, *ASEAN*, *APEC* dan yang terbaru, *TPP* bagi membantu menjana pertumbuhan ekonomi; dan
  5. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyarankan supaya industri-industri tempatan kita sehendaknya tidak mudah berpuas hati dengan pencapaian yang sudah dicapai selama ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet dan

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara. Kaola/saya merasa bahawa titah ini sangat bersesuaian untuk dijadikan sebagai panduan kepada semua pihak, sama ada pihak kerajaan, pihak swasta mahupun orang ramai sebagai penduduk di negara ini.

Titah penekanan terhadap peningkatan pertumbuhan industri adalah sangat tepat kerana jika kita rujuk Buku Perangkaan Tahunan Brunei Darussalam 2014 terbitan JPKE, Jabatan Perdana Menteri bahawa 89.5 peratus daripada ekonomi atau KDNK adalah bersumber daripada nilai *output* atau hasil keluaran dan perniagaan industri-industri swasta dan syarikat milik kerajaan.

Seperti mana dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai program, termasuk program bagi memudahkan orang ramai bagi memulakan perniagaan, program mengembangkan pengusaha kecil dan sederhana dan program menggalakkan perkembangan Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) ke negara ini.

Kerajaan juga sekian lama telah menuahkan dana pelaburan atau *Strategic Development Capital* untuk membuat pelaburan ke dalam syarikat *FDI* dan PKS dalam negara tertakluk kepada kesediaan syarikat *FDI* dan PKS berkenaan. Akan tetapi, terdapat beberapa persoalan yang perlu kita tanyakan atau bangkitkan:-

- i. Adakah pengusaha-pengusaha kita, terutama yang sudah mencapai kejayaan seperti syarikat-syarikat yang sudah menjana hasil pendapatan sehingga \$10 juta ke \$30 juta mahu atau bersedia untuk tumbuh lebih jauh sehingga mencapai hasil pendapatan \$100 juta ke \$200 juta setahun dalam masa 5 ke 10 tahun akan datang;
- ii. Adakah mereka mahu ataupun bersedia untuk beroperasi secara skala besar atau menggunakan teknologi terkini untuk mengurangkan unit kos pengeluaran serta meningkatkan produktiviti;
- iii. Adakah mereka mahu dan bersedia untuk menerokai pasaran eksport;
- iv. Adakah mereka mahu dan bersedia untuk menyerapkan urus tadbir yang terbaik dalam pengurusan syarikat-syarikat mereka; ataupun
- v. Adakah mereka mahu atau bersedia menerima suntikan modal daripada pelabur-pelabur *Venture Capital* (VC) yang akan memudahkan syarikat berkembang dengan cepat dan yang akan menyediakan rangkaian pasaran antarabangsa.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Di pihak kerajaan kita telah menujuhkan *SDC* atau *Strategic Development Capital* sebagai penyedia dana kepada perusahaan tempatan dan FDI yang berminat untuk bertapak dan untuk tumbuh dan berkembang dari

tahun ke tahun. Selama ini suntikan pelaburan oleh pihak *SDC* ini kebanyakannya adalah kepada syarikat-syarikat FDI.

Ini adalah kerana syarikat-syarikat FDI adalah syarikat yang memang sudah mempunyai *track record* yang terbukti dari segi pertumbuhan hasil dan jualan diperingkat antarabangsa. Kedatangan FDI ke negara ini bukan menyasarkan pasaran dalam negara ini akan tetapi untuk eksport ke negara-negara *ASEAN* dan lain-lain. Kebanyakkannya adalah syarikat-syarikat yang sudah tersenarai di bursa saham terkemuka di negara masing-masing. Oleh itu, isu transparansi dan urus tadbir yang baik adalah tidak menjadi keraguan manapun pelabur termasuk penyumbang dana Venture *Capital* di bawah *SDC*.

Inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menujuhkan *SDC* ini memang sangat sesuai apatah lagi dana ini memberi fokus kepada PKS tempatan yang sudah mempunyai produk-produk dan perniagaan yang berpotensi untuk dikembangkan, dengan syarat pihak pengurusan syarikat sentiasa berfikiran terbuka untuk mengamalkan urus tadbir baik dan untuk terus tumbuh sehingga keluar sempadan negara.

Jika hasil syarikat sudah mencapai \$20 juta setahun, maka adalah lebih mudah meningkatkan hasil pendapatan syarikat kepada \$25 juta atau \$30 juta setahun dalam masa

5 tahun ke 10 tahun. Akan tetapi tidak semudah itu bagi menjanjikan pertambahan hasil bagi syarikat yang baharu ataupun (*start up*) untuk mencapai \$1 juta ke \$5 juta dalam setahun.

Walau bagaimanapun, mengimbas kembali pengalaman kaola/saya yang menjadi Pengerusi *BEDB* dan berinteraksi dengan pengusaha-pengusaha tempatan, adalah didapati syarikat-syarikat tempatan kita yang sudah mencapai tahap tertentu sudah mudah berpuas hati dengan pencapaian masing-masing. Ada antaranya yang hasil pendapatan syarikat sepanjang 10 tahun adalah hampir sama sahaja. Umumnya, kelihatan syarikat menjadi berjaya; nampaknya mereka meraih keuntungan; syarikat membayar dividen kepada pelabur; syarikat juga membayar cukai kepada kerajaan; syarikat ini mengambil pekerja tempatan; syarikat ini aktif dalam kerja-kerja amal dan pemilik syarikat kelihatan hidup sangat selesa dan lain-lain.

Akan tetapi apa yang kurang ialah mereka terlalu selesa. Mereka tidak tumbuh. Mereka cuma membuat sasaran kepada pasaran dalam negara dan mereka masih tidak dapat menembusi pasaran eksport. Apatah lagi ada syarikat hanya diterajui oleh ahli-ahli keluarga dan bukan diterajui oleh orang-orang profesional dan urus tadbir adalah tidak mengikut amalan terbaik antarabangsa.

Kesemua ini menyebabkan pengurusan pelaburan agak tidak selesa atau agak memakan masa yang panjang untuk menilai dan membuat keputusan sama ada suntikan modal atau tidak dalam syarikat-syarikat berkenaan. Modal-modal ini hanyalah dapat disuntik ke dalam syarikat jika syarikat berkenaan mempunyai ekspresi untuk tumbuh secara berterusan termasuk untuk menembusi pasaran eksport dan jika syarikat menghargai urus tadbir baik, menghargai adanya buku kira-kira yang terkini menghargai *talent* dalam pengurusan dan lain-lain.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Berpandukan Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam 2014 yang dikeluarkan oleh JPKE, ekonomi atau Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) itu umumnya adalah jumlah semua hasil pendapatan syarikat yang beroperasi dalam negara ini setelah ditolak *intermediate costs* masing-masing. Ini bererti jika hasil pendapatan syarikat bertahan sahaja bertahun-tahun, maka ekonomi atau KDNK juga cuma akan bertahan dan tidak akan tumbuh bertahun-tahun.

Oleh yang demikian, jika kita mahu melihat ekonomi negara kita tumbuh berterusan maka hasil pendapatan syarikat dalam negara mestilah tumbuh berterusan dan ini tidak akan berlaku jika syarikat-syarikat kita hanya menyasarkan keluaran dan jualan mereka kepada pasaran domestik sahaja. Syarikat-syarikat tempatan termasuk *GLCs* tidak boleh tidak,

mestilah menyasarkan pasaran eksport yang sangat luas itu.

Inilah pada hemat kaola/saya antara inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Pembukaan Persidangan Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara kali ini.

Akhir sekali, kaola/saya ingin menyembahkan sekali lagi setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddaulah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia titah Baginda.

Kaola/saya mengambil kesempatan ini untuk mengajak setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini termasuk juga pengusaha-pengusaha tempatan kita untuk sama-sama bergerak ke arah pemangkin pertumbuhan ekonomi negara yang kita sama-sama cintai ini dan bagi menjunjung titah Baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mui'zzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua.**

Terima kasih Yang Berhormat, sekarang dipersilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan Yang Berhormat.

#### **Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Wassalamu Ala Manith Tabaul Huda. Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wassalaatu Wasalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Yang Dilantik.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Kaola mengucapkan syukur Alhamdulillah kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, dapat kaola menghadiri Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas, Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini.

Pertama kaola sukacita menyokong sepenuhnya usul dan kandungan ucapan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sebentar tadi bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah

Duli Yang Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 dan juga atas pengurniaan titah yang penuh hikmah bijaksana yang pada hemat kaola perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak dalam usaha memperkasa ekonomi dan mengurangkan kebergantungan pada sektor minyak dan gas yang menjadi sumber utama ekonomi negara kita.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam titah baginda itu, antara lain menekankan tentang perlunya rakyat dan penduduk negara ini menceburkan diri dan menggandakan usaha dalam bidang perniagaan dan perdagangan serta perusahaan bagi mengurangkan kebergantungan pada minyak dan gas atau dengan kata lain bagi menjadikan mereka berdikari dan berusaha sendiri tanpa banyak bergantung pada bekerja dengan kerajaan.

Rangsangan baginda itu adalah selari dengan rangsangan Al-Quran yang mengandungi dorongan kepada kegiatan perdagangan dan urus niaga. Dalam Islam, tiada garis pemisah antara *spiritual* dan *material*, kerana apa sahaja yang dilakukan sebagai patuh kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala merupakan amal yang menjadi ibadat.

Jika kita mengikuti jalan yang ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam semua kegiatan kita, tidak kira sama ada sembahyang di masjid, bekerja di ladang, dalam perjalanan yang jauh kerana misi perdagangan yang biasa atau sibuk, mendidik anak-anak dan sebagainya, semua kegiatan ini merupakan sebahagian daripada agama yang dikira sebagai ibadat di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Jumu'ah Ayat 10:

فَإِذَا أُضْيَتِ الْأَصْلَوَةُ فَأَنْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ  
وَإِذْ كُرِمْتُمْ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Tafsirnya: "Maka apabila sembahyang telah disempurnakan maka bertebaranlah kamu di muka bumi untuk menjalankan urusan masing-masing dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat."

Perniagaan dan urus niaga telah mendapat dorongan yang kuat daripada Al-Quran. Umat Islam di peringkat awal telah bertebaran dalam mencari kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala, yang merupakan langkah yang paling praktikal dan berkesan untuk menyampaikan dakwah Islamiah kepada orang lain dan negara yang lain. Umat Islam di rantau Nusantara bahkan juga di Negara China dan India, telah menyahut seruan Islam menerusi dakwah para pedagang dan peniaga yang datang sambil berniaga. Al-Quran

memberi galakan kepada orang Islam dalam pelbagai cara untuk menjelajahi bumi Allah Subhanahu Wata'ala dan mencari kurniaan-kurniaan Allah yang menakjubkan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mulk, Ayat 15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ ذُلُولًا فَمَسْوَافٍ مَّا تَرِكْتُمْ وَلَكُمْ مِّنْ رِزْقٍ مِّنْ  
وَإِلَيْهِ الْشُّورُ ۝ ۱۵

Tafsirnya: "Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu menjalani kehidupan maka berjalanlah di merata-merata ceruk rantaunya serta makanlah sebahagian rezekinya dan kepada-Nyalah kamu kembali setelah dibangkitkan."

Oleh yang demikian, memang menjadi tanggungjawab manusia untuk keluar mencari rezeki kurniaan Allah, firmannya dalam Surah Al-Hajj, Ayat 65:

أَمْرَرَنَ اللَّهُ سَخَرَ لَكُمْ مَا فِي الْأَرْضِ وَالْفُلْكَ تَجْرِي فِي الْبَحْرِ يَأْمُرُهُ  
وَيُمْسِكُ السَّكَّمَاءَ أَنْ تَقْعُ عَلَى الْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِ إِنَّ اللَّهَ بِأَنَّاسٍ  
لَّهُوَ فُرِّجٌ ۝ ۶۵

Tafsirnya: "Tidakkah engkau memerhatikan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu dan demikian juga kapal-kapal yang kamu gunakan sebagai kenderaan dan pengangkutan, belayar di laut dengan perintah-Nya. Dan dia menahan langit daripada runtuh menimpa bumi kecuali dengan izin-Nya. Sesungguhnya Allah

adalah maha belas kasihan lagi maha pengasih."

Memang sudah menjadi fakta sejarah bahawa orang Islam sangat bijak dalam perdagangan, urus niaga dan industri dan menguasai lautan di timur dan barat termasuk Laut Mediterranean daripada permulaan abad Ke-8 Masihi hingga abad Ke-14. Menurut Philip K.Hitti pada awal zaman pertengahan tiada orang lain yang memberi perkembangan yang penting kepada kemajuan manusia sebagaimana yang dilakukan oleh orang Arab. Kapal Arab mengembara ke timur sehingga ke China, India Timur dan filipina di Lautan Pasifik serta kepulauan Atlantik di barat.

Kesemua ini merupakan hasil secara langsung daripada kajian terhadap Al-Quran yang menarik kepada suruhan Allah supaya pergi ke luar negeri untuk mencari kurniaan Allah di negeri-negeri lain dalam kalangan orang-orang lain juga untuk mengembangkan ajaran Allah Subhanahu Wata'ala dalam kalangan mereka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda itu telah menggalakkan para pengusaha untuk mengembangkan perusahaan mereka bukan hanya di dalam negeri bahkan juga di luar negeri. Pada hemat kaola, sudah sampai masanya, kita orang-orang Brunei merebut peluang sama ada dalam bidang perniagaan atau perusahaan yang terdapat di dalam

negara atau di luar negara seperti ASEAN, BIMP-EAGA, APEC dan negara-negara lain.

Sesuai dengan dorongan Al-Quran yang menyeru umat Islam untuk mencari dan mendapatkan rezeki kurniaan-kurniaan Allah yang disediakannya di muka bumi di mana-mana juga tempat di dunia ini.

Kedua, kaola ingin merujuk dalam Al-Quran dalam merangsang umat manusia supaya sentiasa bersiap sedia menghadapi cabaran-cabaran.

Pada zaman Nabi Yusuf Alaihi Wasallam berada di negara Mesir dan meningkat dewasa di bawah peliharaan seorang pembesar Raja Mesir yang dipanggil oleh Al-Quran sebagai Al-Aziz dan isterinya dipanggil sebagai Imra'atul Aziz. Pada zaman itu Raja Mesir bernama Ar-Rayyan bin Al-Walid, baginda telah bermimpi melihat 7 ekor lembu betina yang gemuk ditelan oleh 7 ekor lembu kurus, baginda juga melihat dalam mimpi itu 7 tangkai gandum yang hijau dilingkari oleh 7 tangkai gandum yang lain yang kering. Raja Mesir itu telah meminta para pembesar baginda supaya mereka mentakbirkan mimpi baginda itu tetapi tiada seorang pun daripada mereka yang pandai mentakbirkan. Nabi Yusuf Alaihi Wasallam yang pada masa itu dalam penjara telah dipanggil menghadap raja lalu baginda mentakbirkan mimpi raja berdasarkan wahu yang diterima baginda sebagai berikut:-

- i. Pada masa hadapan nanti ada 7 tahun negara Mesir akan beroleh kemewahan dari hasil-hasil pertanian dan ternakan kerana Allah akan menyuburkan buminya dengan hujan. Ini digambarkan menerusi mimpi melihat 7 ekor lembu yang gemuk dan 7 tangkai gandum yang hijau; dan
  - ii. Selepas berlalu 7 tahun yang mewah itu, negara Mesir akan ditimpa kemarau yang panjang selama 7 tahun. Ini digambarkan menerusi mimpi melihat 7 ekor lembu kurus yang menelan 7 ekor lembu gemuk dan 7 tangkai gandum yang kering melingkari 7 tangkai gandum yang hijau. Ini bererti kemewahan yang diperoleh oleh penduduk Mesir selama 7 tahun subur itu akan beransur-ansur habis setahun demi setahun kecuali yang disimpan untuk dijadikan benih untuk ditanam sesudah kemarau panjang itu berakhir.
- Raja Mesir telah mempercayai dan membenarkan takbir mimpi Nabi Yusuf Alaihi Wasallam itu lalu baginda melantik Nabi Yusuf Alaihi Wasallam sebagai seorang menteri dan pembesar negara yang ditugaskan menjalankan dan melaksanakan rancangan bagi menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang dinyatakan dalam mimpi itu. Lalu Nabi Yusuf Alaihi Wasallam meminta rakyat dan penduduk Mesir untuk bekerja keras supaya meningkatkan hasil-

hasil pertanian dan ternakan sepanjang 7 tahun yang subur itu. Hasil-hasil itu sebahagian besar dibeli oleh kerajaan dan selebihnya untuk dimakan oleh para pekebun dan penternak.

Hasil-hasil pertanian itu disimpan dalam stor negara dengan tangkai-tangkainya supaya ia tidak cepat rosak selama 7 tahun itu. Nabi Yusuf 'Alaihi Wasallam yang mengelola pembelian hasil-hasil pertanian itu bersama pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan. Sesudah habis 7 tahun subur itu, bermulalah Mesir ditimpa kemarau yang menjadikan tanaman-tanaman tidak menjadi dan tidak mengeluarkan hasil, binatang-binatang ternakan tidak dapat hidup dengan baik disebabkan kekurangan air dan rumput-rumput yang kering. Dengan demikian hasil-hasil pertanian yang disimpan dalam stor negara telah dijual kepada orang ramai dengan harga yang berpatutan selama tujuh tahun kemarau itu, bukan sahaja orang ramai itu datangnya daripada rakyat penduduk Mesir bahkan juga datangnya dari rakyat dan penduduk Pelastin, Syam, Iraq dan lain-lain.

Dari hasil tindakan strategik Nabi Yusuf 'Alaihi itu terselamatlah rakyat dan penduduk Mesir dan lain-lain rakyat penduduk luar Mesir yang menghadapi suasana kebuluran akibat kemarau yang berpanjangan. Kisah Nabi Yusuf

'Alaihi Wasallam itu telah dirakamkan dalam Surah Yusuf mimpi raja Mesir telah dinyatakan Ayat 43 firman Allah.

وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَىٰ سَبْعَ بَقَرَاتٍ سَمَانًا يَأْكُلُهُنَّ سَبْعٌ  
عَجَافٌ وَسَبْعَ شُنْكَنٍ حُصْرٍ وَاحَدَرَ يَأْكُلُهُنَّ أَنْذَلَةً  
أَفَتُؤْنِي فِرْءَيْنِي إِنْ كَثُرَ لِرَبَّةٍ يَا تَعَبُّرُونَ ﴿٤٧﴾

Tafsirnya: dan Raja Mesir berkata: "Sesungguhnya aku bermimpi melihat tujuh ekor lembu betina yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus dan melihat tujuh tangkai gandum yang hijau dan dilingkari oleh tujuh tangkai lain yang kering. Wahai pembesar-pembesar terangkanlah kepadaku takbir mimpiku ini, jika benar kamu orang yang pandai mentakbirkan mimpi."

Manakala peranan Nabi Yusuf 'Alaihi Wasallam bagi menangani cabaran ekonomi yang menghadapi tujuh tahun musim subur dan tujuh tahun musim kemarau itu telah dinyatakan dalam ayat 47 dan 48 dari surah yang sama. Kaola bacakan tafsirnya sahaja, Nabi Yusuf berkata "hendaklah kamu bercucuk tanam seperti biasa selama tujuh tahun berturut-turut kerana apa yang kamu tuai biarkanlah ia pada tangkai-tangkainya, supaya ia tidak cepat rosak kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian akan datang sesudah itu tujuh tahun musim kemarau yang dahsyat yang akan menghabiskan bekalan makanan yang kamu sediakan untuk menghadapinya kecuali sedikit

daripada yang kamu simpan untuk dijadikan benih."

Dari kenyataan Al-Quran dan tindakan-tindakan Nabi Yusuf 'Alahi Wasallam dalam menangani dan mendepani cabaran-cabaran ekonomi dan suasana kehidupan rakyat Mesir pada masa hadapan itu jelaslah bahawa kewaspadaan dan kesiapsediaan perlulah ada pada setiap ketika. Kewaspadaan dan kesiapsediaan itu menuntut kita menyediakan pelan-pelan strategik dan penuh teliti akan lebih mementingkan keperluan dan pertambahan dalam merancang segala sesuatu baik pada masa mewah apalagi pada masa merosot.

Pada hemat kaola, kerajaan dalam mempertimbangkan pemberian-pemberian peruntukan kewangan bagi membiayai sebarang rancangan patutlah bukan hanya berdasarkan keutamaan dan kepentingan tetapi juga hendak disertai dengan dasar kesesuaian. Jangan sampai suatu projek yang satu pihak diberi peruntukan berlebihan sedangkan satu pihak lain sukar diberi peruntukan meskipun projeknya itu perlu dan wajar diberi keutamaan.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Wasallamu Ala Manith Tabaul Huda. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat

saya memikirkan bahawa ada baiknya kita berehat sementara, maka saya tangguhkan persidangan ini selama 30 minit.

### **(Majlis Mesyuarat berehat sebentar)**

### **(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-ahli Berhormat, sebelum persidangan ini kita tangguhkan tadi, kita telah membahaskan usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai usul bagi menyembahyang sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke majlis ini, iaitu pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Di hadapan saya masih terdapat lagi senarai Ahli Yang Berhormat yang ingin untuk membuat kenyataan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal. Silakan, Yang Berhormat Pehin.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya  
Maharaja Kerna Dato Paduka Seri  
Awang Haji Yaakub bin Pehin  
Orang Kaya Maharaja Diraja Dato  
Paduka Awang Haji Zainal:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita bersyukur terhadap Allah Subhanahu Wata'ala atas rahmat dan segala nikmat yang dilimpahkan ke atas Negara kita terutamanya nikmat Islam dan Iman.

Kaola berdiri di sini menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyembah sembah ucapan menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu 5 Mac 2016 dan atas kurnia titah Baginda dalam istiadat perasmian tersebut.

Kaola amat tersentuh hati mendengar titah Baginda yang berbunyi "Akhir kalam beta menyeru kepada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat supaya dapat menguruskan serta melipat gandakan usaha masing-masing dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk sama ada mereka yang bermastautin

di kawasan bandar maupun di kawasan-kawasan luar bandar".

Dalam titah itu, baginda dengan jelas senantiasa memikirkan mengutamakan kebahagiaan dan keselamatan rakyat jelata dalam apa juga keadaan pun. Senantiasa dalam pemerhatian Baginda lebih-lebih lagi dalam negara kita yang dilanda kegawatan ekonomi. Baginda sering turun padang meninjau pentadbiran kerajaan Baginda agar berjalan lebih mantap, efisien dan *up-to-date*.

Sebagai rakyat dalam kehidupan kita sehari-hari, kita bersyukur kerana dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh kerajaan antaranya ialah sekolah-sekolah, klinik, hospital, balai polis, pasar, tempat-tempat riadah, jalan raya juga subsidi makanan seperti gula, beras, minyak, petrol malahan perubatan hanya dibayar \$1.00 saja bagi setiap orang. Kita tidak perlu bertanya apakah kerajaan sudah buat untuk kita tetapi kita juga sepatutnya tidak lupa sebagai rakyat patut bertanya kepada diri kita sendiri apakah yang kita buat untuk kerajaan dan negara. Ada banyak cara untuk menyumbang jasa bakti kepada kerajaan dan negara tanpa imbuhan ataupun upah.

Salah satunya caranya ialah dengan menjaga kesihatan melalui kebersihan dalam kehidupan kita sehari-hari dalam keadaan dunia masa ini yang dilanda krisis kewangan juga dilanda dengan berbagai-bagi penyakit yang lama dan yang baharu yang kita dengar

baru-baru ini. Sudah sampai masanya kita menanamkan di jiwa anak-anak, keluarga dan jiran tetangga. Kebersihan hendaklah diterapkan bermula dari rumah. Kita sebagai ibu bapa, para guru juga masyarakat patut mengambil peranan penting dalam menyemai perasaan anti sampah dan kekotoran.

Kepada anak-anak di mana saja kita berada tidak mengira ketika berada di sekolah, di rumah, pejabat, di kampung, di bandar perlu bersih tanpa sampah, tanamkan perasaan tidak camah mata bila melihat sampah dan kekotoran kita sudah terbiasa walaupun di depan rumah sendiri rumput panjang, longkang yang berbau, air bertakung dan sebagainya, kita masih juga tetap menunggu pihak bandaran untuk membersihkannya.

Daripada keadaan kekotoran ini selain memberikan persekitaran yang kurang menyenangkan yang menimbulkan bau busuk berkemungkinan besar juga menimbulkan berbagai-bagai masalah penyakit bawaan binatang seperti lalat yang boleh menyebabkan cirit-birit, tikus yang membawa penyakit kencing tikus, nyamuk yang membawa penyakit denggi dan sebagainya, timbul lagi satu penyakit baru-baru ini yang di permulakan virus yang digelar *Zika* di luar negara yang pada masa ini belum ditemui ubatnya.

Penyakit-penyakit ini selain mengancam nyawa manusia dan kehidupan ia juga akan menjadi bebanan yang berat kepada kerajaan kerana memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk

membasmi dan menghapuskannya padahal untuk mengelakkan perkara ini berlaku sebenarnya adalah mudah iaitu kita mestilah sentiasa prihatin dan mengambil berat tentang kebersihan di sekeliling kita. Mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

Dari itu sebahagian daripada landasan kita sebagai rakyat untuk menyumbang bakti kepada kerajaan dan negara ialah keikhlasan mempunyai semangat yang tinggi kepada keamanan, kesejahteraan dan keselamatan, mempunyai tahap kesihatan yang tinggi yang setentunya bermula dengan amalan menjaga kebersihan dari rumah tangga dan alam di sekeliling kita

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, sebelum kaola mengakhiri ucapan menjunjung kasih ini, kaola ingin mengambil kesempatan untuk menunaikan hajat daripada peniaga-peniaga di Tamu Kianggeh meminta kaola menyampaikan di dalam Dewan yang mulia ini hasrat menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas lawatan bercemar duli yang tidak disangka-sangka oleh mereka ke Tamu Kianggeh pada Hari Ahad 7 Februari 2016 yang lalu.

Ini adalah menunjukkan betapa baginda begitu prihatin dan ingin melihat sendiri

akan keadaan persekitaran Tamu Kianggeh.

Syukur alhamdulillah, semenjak lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada hari tersebut, sekarang keadaan kawasan Tamu Kianggeh dalam keadaan "bisai" dan diharapkan keadaan bisai seperti ini akan berterusan; dan diharap juga pihak-pihak yang berkenaan akan membuat satu peraturan bagi tujuan mengelakkan keadaan seperti dulu di persekitaran Tamu Kianggeh dan diharap juga akan senantiasa keadaannya yang kita lihat pada masa ini, bersih dan teratur.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarkatuh.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin. Silakan Datin.

#### **Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin:**

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. بسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Alhamdulillahi Rabbil Alamin.  
Wassalaatu Wassalaamu Alaa Asyrafil  
Anbiya Ewal Mursalin, Sayidina  
Muhammadin, Waala Alihi Wasahbihi  
Ajma'in.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang kaola

hormati. Kaola/Saya berdiri di Dewan yang mulia ini bagi mewakili Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik dari Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan.

Abis kaola menyokong sepenuhnya akan usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi menyembahkan ucapan banyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar duli berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara dan berkenan mengurniakan titah pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Sesungguhnya titah baginda amatlah padat dengan nasihat, peringatan dan berpandangan jauh yang mencerminkan kebijaksanaan pemimpin tertinggi negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan pendudukan negara ini akan senantiasa terpelihara dengan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Alhamdulillah, kita panjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menitahkan perasaan gembira baginda dalam mengikuti

perkembangan persidangan yang telah memainkan peranannya dengan baik.

Sumbangan dari segi pemikiran dan pandangan serta saranan yang telah abis kaola kemukakan sepanjang persidangan adalah dasar amanah dan tanggungjawab sebagai Ahli Mesyuarat Negara Yang Dilantik. Abis kaola sedaya upaya mengolah cara perbahasan dan cara penyampaian supaya dapat difahami dan dibahas serta diambil perhatian dan tindakan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Semua ini semata-mata untuk kebaikan, kesejahteraan dan keharmonian negara dan rakyat dan Negara Brunei Darussalam yang dicintai.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Baginda juga bertitah supaya Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik memberikan saranan atau buah fikiran mengenai cara-cara mengurangkan kebergantungan kepada sumber minyak dan gas. Begitu juga bagaimana negara dapat menjana pendapatan. Seterusnya, titah baginda, perhatian perlu diberikan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk sektor swasta; dan dasar kerajaan ialah memperkasa sektor swasta untuk membantu memperbaiki persekitaran perniagaan termasuk infrastruktur dan perundangan yang probisnes.

Abis kaola dari kalangan Ahli-ahli Yang Mencapai Kecemerlangan menjunjung tinggi atas keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah banyak

melaksanakan reformasi bagi probisnes untuk kita dapat menjana kepelbagaian ekonomi negara dan menyembahkan sokongan atas usaha-usaha kerajaan dalam menggiatkan lagi sektor perniagaan dan keusahawanan dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dalam negara.

Menyentuh perkara yang kaola nyatakan tersebut, abis kaola juga menyedari akan keperluan meningkatkan ekonomi negara dengan memperkasa sektor swasta, yang beberapa pandangan dan saranan telah juga diutarakan dalam persidangan-persidangan yang lalu; dan, alhamdulillah, pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan juga telah membuat perancangan dan pelan-pelan strategik sehingga telah berjaya melaksanakan salah satu antara insiatif iaitu *Darussalam Enterprise* atau *DARE*, yang keahliannya dianggotai oleh lapan puluh peratus peniaga dan pengusaha tempatan.

Apa yang diharapkan adalah peluang-peluang yang bakal disediakan akan lebih memberi laluan dan penglibatan secara langsung kepada warga tempatan yang hendak berkecimpung atau yang sudah bergiat, untuk lebih berkembang maju bukan sahaja di dalam negara bahkan di luar negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Menyentuh Pelaburan Langsung Asing atau (*FDI*) yang menjadi perhatian baginda dan usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian perlu terus dipertingkat dan diperkemaskan. Abis

kaola mempunyai pandangan dalam isu ini, iaitu Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) ke negara ini perlulah benar-benar dibuat penelitian supaya pemilihan *FDI* tersebut bukan sahaja memberi pulangan dan keuntungan dari aspek kewangan kepada negara tetapi juga akan membantu dalam menyediakan sumber tenaga tempatan dalam sektor-sektor berkenaan.

Selain itu, perlu membuat kajian yang terperinci seperti setakat mana keperluan yang kita hendak capai dalam sektor berkenaan dalam mengimbangi hasil pendapatan minyak dan gas di negara ini, kerana dengan adanya sukat-sukat tertentu kita akan lebih berhati-hati dalam pemilihan dan tidak akan berlaku isu kerugian yang besar dalam pelaburan negara. Seterusnya *FDI* juga amat mustahak mengambil kira status negara yang mempunyai standard yang tinggi mengenai isu halal. Apa yang menjadi keutamaan dalam isu ini adalah bagaimana kita menangani isu halal dengan lebih serius lagi, cepat, cekap dan teratur.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Ahli-Ahli Yang Berhormat. Dalam usaha untuk lebih maju ke hadapan dan Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara akan lebih fokus kepada perkara-perkara strategi dan supaya mengelak daripada berlakunya kajian yang tidak mendalam, atau akan menjadi perkara yang kurang signifikan dan tidak strategik untuk dibuat ke Dewan ini, dicadangkan supaya Majlis Mesyuarat Negara mempunyai data-data yang senantiasa *up-to-date*

atau perpustakaan yang lengkap dan komprehensif, supaya ia dapat menjadi tempat rujukan yang tepat kepada Ahli-Ahli Mesyuarat Negara Yang Dilantik yang, kita sedia maklum, ahli-ahli berkenaan mempunyai bidang-bidang kepakaran yang berbeza-beza. Dengan kata lain, apa yang dihasratkan dalam menyuarakan persoalan dan pandangan adalah semata-mata untuk kemaslahatan rakyat dan negara.

Untuk tujuan tersebut, sudah setentunya Majlis Mesyuarat Negara memerlukan pertambahan sumber tenaga manusia. Namun dimaklumi akan situasi pada masa kini peruntukan dan kewangan negara yang begitu mencabar, maka yang demikian kita serahkan perkara ini kepada kebijaksanaan pihak-pihak yang berkenaan dan, selain itu juga, amatlah diharapkan sokongan padu dari kementerian-kementerian dalam memberikan kerjasama bagi merealisasikan saranan tersebut.

Dengan demikian, apa yang akan kita bincang dan bahas di dalam Dewan ini akan lebih mantap dan bermakna, sesuai dengan titah baginda supaya janganlah isu hanya dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan, perlu melihat apa yang sudah dicapai atau kalau belum maka memerlukan pula tindakan pemberian. Begitu juga titah baginda bahawa apa jua perancangan dan inisiatif adalah perlu untuk mengambil pendekatan *delivery* atau *delivery approach* untuk mencapai hasil yang dihasratkan.

Mudah-mudahan Persidangan Majlis Mesyuarat yang akan datang akan lebih fokus dan terarah dalam menyuarakan pandangan dan saranan, semata-mata untuk kita menuju matlamat negara Wawasan 2035, Insya Allah.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji**

**Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat lebih dahulu kaola menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda. Kaola ingin menyentuh 2 daripada titah baginda:-

- i. Baginda seterusnya menyarankan supaya usaha-usaha untuk memudah cara aktiviti perekonomian negara terus dipertingkat dan diperkemaskan. Ulasan salah satu usaha bagi memudah cara aktiviti

perekonomian di negara ini ialah dengan menubuhkan satu kementerian baharu bagi memajukan perindustrian yang boleh mendatangkan pendapatan kepada negara antara industri-industri yang seharusnya diberi perhatian ialah Industri Pelancongan SME atau perusahaan kecil dan sederhana dan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*); dan

- ii. Tujuan penubuhan kementerian ini adalah untuk menjadikannya ia lebih fokus dalam menguruskan menjana seterusnya meningkatkan sumber pendapatan hasil pendapatan kerajaan dan sosioekonomi negara.

Melalui usaha tersebut perekonomian negara akan menjadi lebih teratur dan terancang ke arah penghasilan pendapatan negara dan seterusnya meningkatkan produktiviti dan membolehkan pemasaran ke peringkat serantau dan antarabangsa.

Ini adalah bagi menyahut titah baginda yang menyarankan untuk mengubah strategi perusahaan daripada hanya mencapai keuntungan bagi mencapai sara diri atau *self efficient* dan kepada keuntungan yang berasaskan eksport yang dilihat baginda adalah usaha-usaha perekonomian yang menuju kepada skala besar atau *large scale*, skala kecil atau *small scale* dan dari mikro kepada makro.

Mitigasi ataupun pengurusan yang boleh menggugat ekonomi juga dapat diwujudkan dengan adanya satu kementerian baharu itu nanti sedang kita tahu bidang bisnes merupakan bidang yang sangat luas. Penubuhan kementerian baharu itu dihasratkan akan dapat menumpukan perhatian kepada perusahaan-perusahaan yang berpotensi untuk meningkatkan penghasilan negara secara optimum dan berinovatif setaraf dengan negara-negara yang maju.

Titah yang kedua apa yang tinggal ialah usaha-usaha mantap ke arah kejayaan kita perlu cekap merebut peluang-peluang yang ada. Kerana itu baginda menyeru supaya para pengusaha tempatan dapat berdaya saing untuk meraih kejayaan melalui peluang-peluang yang sedia ada bukan sahaja bagi merebut peluang-peluang yang dalam negara malah lebih jauh peluang-peluang serantau antarabangsa.

Bagi melatih dan mengasah kemahiran anak tempatan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan, pendedahan kepada bidang perniagaan seharusnya diwujudkan bagi pengusaha-pengusaha atau anak tempatan yang berminat untuk berkecimpung dalam bidang tersebut. Dengan membekalkan pengetahuan atau *know how* bagi pengusaha-pengusaha adalah dihasratkan agar dapat menarik lebih ramai anak tempatan untuk menceburkan diri dalam bidang aktiviti perniagaan dan keusahawanan.

Antara aktiviti yang dapat dijalankan adalah dengan memberikan kursus motivasi *Financial Budgeting*, kursus perancangan kewangan bagi pengusaha baharu dan *business planning*. Pada tahun 2014 dalam pembentangan kertas kerja dan kertas Rang Undang-Undang (2014) Perbekalan 2014/2015 Majlis Mesyuarat Negara \$800,000 telah pun disediakan bagi mendukung program-program yang menjurus kepada melahirkan belia berdikari. Ini termasuklah bagi menggalakkan dan membantu belia untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan kecil-kecilan seperti dalam bidang mekanik, kereta dan langkah-langkah lain ini adalah satu permulaan yang baik dan boleh dijadikan sebagai faktor untuk memperkembangkan perekonomian ini.

Bagi mendukung usaha kerajaan dalam meraih bidang pekerjaan, anak tempatan hendaklah berani menyahut cabaran dan merebut peluang dalam bidang keusahawanan. Sehubungan dengan itu dalam menjana ekonomi pada masa kini yang berdaya saing dalam negara mahupun di luar negara anak tempatan hendaklah melibatkan diri dalam *niche market*.

*Niche market* yang memfokuskan kepada market yang dikenal pasti mempunyai keunikan dan pemasaran boleh mengaut keuntungan. Contohnya perniagaan yang belum diterokai yang boleh berdaya saing di peringkat tempatan dan antarabangsa adalah madu kelulut.

Walaupun produk tersebut sama dihasilkan seperti di negara lain akan tetapi, yang membezakan ialah kualiti produk tersebut. Selain madu sarang kelulut boleh dijadikan berbagai-bagai jenis ubat, propolisnya boleh dijadikan kosmetik, sabun dan sebagainya dan pengolahan madu kelulut ini setakat ini belum diterokai di negara ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. Silakan.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. يسْجُو اللَّهُ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang kaola hormati sekalian. Saya mewakili rakyat di Zon 1 dan 2 Daerah Belait dengan penuh hormat dan takzim menyokong dan bersetuju sepenuhnya atas cadangan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam bagi menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli Ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang baru lalu.

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda bercemar duli Ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada 5 Mac 2016 yang baru lalu.

Dalam kesempatan ini juga kaola ingin mengucapkan tahniah kepada menteri-menteri baharu yang dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan terima kasih juga kepada mantan-mantan menteri yang tidak lagi bersama kita di Dewan yang mulia ini pada petang ini atas sumbangan bakti mereka terhadap negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua kaola amat menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mana ia merupakan satu titah yang *solid* lagi tulus dalam mengingati kita semua akan bertanggungjawab untuk memfokuskan segala perbincangan mengenai perkara-perkara yang strategik yang membawa kesan kepada kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, koala ingin menyentuh beberapa perkara dalam titah baginda itu antara lain:

Persidangan dan perbincangan di Dewan yang mulia ini merupakan satu kepentingan kepada negara, maka sewajarnyalah segala perbincangan ataupun perbahasan yang diadakan seharusnya mendapat penghormatan dan diambil tindakan yang bersesuaian. Mana-mana isu yang ditimbulkan yang belum atau tidak dapat diusahakan atau diselesaikan, hendaklah diberi penjelasan dan diambil tindakan susulan.

Jika ini berlaku bermakna kita telah berhasil dalam mencerminkan akan ketulusan perbincangan di Dewan yang mulia ini, sekali gus kita mencapai hasrat dan tujuan yang dihasratkan. Kalau tidak kita perlu mengambil pendekatan yang serius untuk mencapainya seperti mana Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam "Sepanjang 12 kali Permesyuaratan diadakan, kita sering membincangkan hal mempelbagaikan ekonomi negara dari terus bergantung kepada sektor minyak dan gas.

Kita tidak menafikan bahawa banyak usaha telah diungkayahkan oleh beberapa agensi kerajaan untuk menuju ke arah matlamat tersebut. Di akhir-akhir ini *Ease of Doing Business* telah diusahakan dan sudah beroperasi. Beberapa undang-undang dan peraturan-peraturan yang ada hubung kait dengan perusahaan dan perniagaan di tanah air telah pun dikemaskinikan semata-mata untuk memesrakan dan menyenangkan aktiviti

perusahaan dan perniagaan di negara ini. Namun iklim perusahaan dan perniagaan negara masih pada tahap mendatar dan belum berjaya serta boleh dibanggakan kerana kita masih lagi bergantung kepada sektor minyak dan gas".

Yang Berhormat Yang Di-Pertua, kelonggaran dalam *Ease of Doing Business* dan mengemaskinikan peraturan-peraturan sahaja tidak memadai atau mampu untuk mengangkat atau meningkatkan tahap sektor bukan minyak dan gas di negara ini. Kita perlu berusaha bersungguh-sungguh dan bertanya lebih jauh mengapa kita belum berjaya. *Platform* perusahaan dan perniagaan sama ada di dalam negeri maupun di luar negeri seperti *Bimp-Eaga*, *Asean*, *APEC* dan baru-baru ini hangat dibincangkan iaitu *Trans Pacific Partnership (TPP)* bagi menjana pertumbuhan ekonomi telah tersedia.

Pada pandangan dan pemikiran kaola Yang Berhormat Yang Di-Pertua, ada beberapa pendekatan dan cabaran-cabaran yang harus kita pertimbangkan bersama bagi menjana pertumbuhan ekonomi negara antaranya:-

- i. *Mindset* pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga kita mestilah mahu berubah untuk berkembang dan berani meneroka pasaran bukan sahaja di dalam negeri bahkan juga di luar negeri;
- ii. Pihak-pihak yang berkenaan jangan kendur-kendur terus

- berusaha membantu dan membimbing para pengusaha dan peniaga yang aktif dalam bidang masing-masing seperti permakanan produk halal, pelancongan, pengangkutan, pertanian, penternakan ayam, ikan dan lain-lain lagi sehingga mereka mencapai kejayaan terutama kepada *entrepreneur* belia kerana mereka inilah harapan kita untuk meneruskan hasrat negara untuk mencapai Wawasan 2035;
- iii. Teruskan dengan kursus-kursus keusahawanan dan jerayawara bagi memberi suntikan kefahaman dan semangat kepada mereka serta ajar dan bimbing mereka ke arah bekerjasama *Tour Adventure* dengan Pelaburan Asing Langsung (*FDI*) dan pengusaha-pengusaha di luar negeri. Kita penuh berharap tertubuhnya pusat untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana Darussalam Enterprise akan dapat merealisasikan hasrat murni ini. Sediakan kemudahan pinjaman kewangan yang berpatutan bagi membantu perusahaan dan perniagaan mereka berkembang;
- iv. Produk 1K1P yang diusahakan oleh penduduk kampung di seluruh negara yang terdiri daripada ibu-ibu tunggal, orang-orang kurang upaya, jangan dipandang kecil akan usaha mereka. Jika produk ini ditangani dan dibantu secara bersepadau dan dipusatkan operasinya, kualitinya dan pasarnannya dengan betul, tidak mustahil ia boleh menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara bukan sahaja untuk sara diri bahkan juga untuk pengeksportan ke luar negeri;
- v. Kita mempelawa pihak-pihak swasta, dewan-dewan perdagangan dan perniagaan yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam ini dan juga pengusaha-pengusaha, peniaga-peniaga tempatan yang sudah bertapak dan berjaya supaya dapat menyumbang sama terhadap kemajuan ekonomi negara sebagai sumbangan terhadap bangsa dan negara;
- vi. Di samping itu kita mohon kerjasama dari duta-duta kita yang berada di luar negara supaya terus berusaha memainkan peranan mereka dalam mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan perusahaan yang bersesuaian dan berpatutan dengan kemampuan para pengusaha dan peniaga kita;
- vii. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, perkara-perkara yang kaola sebutkan di atas tadi dicadangkan untuk dipusatkan di bawah satu agensi kerajaan yang penuh bertanggungjawab. Tujuan supaya mudah memfokus perkembangannya; dan
- viii. Dengan bilangan penduduk Negara Brunei Darussalam yang hanya seramai 400 ribu orang, kita perlu berganding bahu, bersatu

dalam semua perkara demi menjana ekonomi negara. Lebih-lebih lagi di bidang keselamatan dan akan terus mempertahankan dasar MIB Negara Brunei Darussalam kerana ekonomi akan mapan bila mana negara dalam keadaan tenteram dan aman.

Akhirnya marilah sama-sama kita bermesyuarat dengan penuh dedikasi dan merancang perjalanan ekonomi negara dan selebihnya kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga apa jua kita rancang, Allah Subhanahu Wata'ala yang berkuasa mementukannya. Amin. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**  
Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.  
 يسْمُ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Yang Berhormat Yang Di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Yang Dilantik. Sesungguhnya kaola menyokong penuh cadangan dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Maka dengan ini, kaola mengambil kesempatan menyembah setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas keberangkatan baginda dan seterusnya mengurniakan titah dalam Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara, pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kaola berkesempatan lagi menghadiri Mesyuarat Negara pada tahun ini.

Oleh itu, kaola akan cuba sedaya upaya untuk menunaikan amanat dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seperti mana hasrat yang terkandung dalam titah baginda di Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas yang menyentuh tentang peranan besar Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara sebagai pemacu kepada pembangunan negara supaya menggunakan pendekatan *delivery (delivery approach)* iaitu sentiasa berpandangan jauh ke hadapan sebagai satu persiapan mitigasi dan persediaan sebelum

menghadapi berbagai-bagai persoalan yang akan timbul.

Oleh itu, peranan kita sebagai rakyat agar berupaya melakukan tindakan yang bersesuaian dengan keadaan sekarang dan akan datang iaitu berkenaan dengan mengurangkan pergantungan pada hasil sumber minyak dan gas.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Bagi memperkasakan ekonomi, terpulang kepada rakyat merebut peluang yang ada kerana kerajaan telah banyak membantu dari segi infrastruktur dan kemudahan yang probisnes. Juga telah menubuhkan Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME*) bagi meningkatkan pencapaian agar perusahaan ini lebih meluas, berdaya saing dan berdaya tahan, bukan sekadar untuk sara diri, malah akan boleh dieksport dan boleh mencapai ke tahap antarabangsa.

Pemikiran yang masih mahu bergantung pada bantuan-bantuan kerajaan perlu dikikis. Walau bagaimanapun, dalam pemikiran kaola ada beberapa perkara yang perlu dilaksanakan iaitu jangan lagi berfikir bahawa kelulusan tinggi mesti akan menjawat sebagai pegawai tinggi di jabatan-jabatan kerajaan atau sektor swasta.

Kini sudah tiba masanya generasi sekarang dan akan datang menganggap bahawa ilmu itu adalah sebagai pemangkin kepada apa juga bentuk pekerjaan terutama yang boleh menjana ekonomi negara. Misalnya diguna pakai untuk bekerja sendiri menjadi

pengusaha di bidang pertanian, sektor pelancongan, perikanan, perkilangan dan perusahaan-perusahaan lain.

Dalam mendukung perkara yang tersebut di atas, sokongan pihak berkenaan bagi kemahiran, pengalaman, pendidikan dan pemantauan serta modal yang bersesuaian dalam keusahawanan adalah perlu.

Pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana (*SME*), adalah sebagai indung *SME*, yang akan mendahului dan memantau sehingga anak-anak *SME* berjaya dan boleh berdiri sendiri barulah boleh melepaskan mereka berdikari. Bagi meningkatkan produktiviti *SME* setentunya memerlukan persekitaran yang mudah agar memberi impak yang positif dalam kegiatan ekonomi negara.

Selain itu, proses tatacara atau peraturan melaksanakan perusahaan dan perniagaan sangat penting dipermudahkan. Perkara-perkara yang melambat atau menghalang harus diambil perhatian. Oleh itu, dicadangkan supaya kebenaran atau kelulusan semua perkara yang berkaitan perusahaan dan perniagaan sangat perlu dipermudahkan dan dipercepatkan. Terutama bagi mengembangmajukan *SME*, kerana ada sebahagiannya terlalu ketat dan peraturan yang sukar dicapai oleh modal yang kecil.

Memang penting supaya tidak mengabaikan dari segi peraturan keselamatan dan kesihatan, tetapi sekiranya peraturan itu melibatkan

kewangan yang besar, maka akan menyebabkan pengusaha berkenaan mengundur diri.

Seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada 30 Jamadilakhir 1428 bersamaan 15 Julai 2007. Antara titah baginda, "mana-mana agensi yang masih memakai peraturan-peraturan atau proses-proses yang boleh melambatkan pencapaian dan juga menghalang perkhidmatan yang efisien, hendaklah mereka itu, dengan segeranya mengubah pandangan mereka". Itulah antara titah baginda.

Pada tahun ini, perlaksanaan mengadakan lesen perniagaan sangat dihargai dan disambut baik oleh orang ramai. Yang pentingnya dalam peringkat awal wujud *SME* pemantauan berterusan oleh agensi penguat kuasa. Kemudian apabila keadaannya kukuh dan berjaya barulah mengenakan peraturan dan syarat-syarat berkenaan.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Pihak agensi-agensi berkenaan perlulah mempunyai daya kreativiti mencipta produk atau perusahaan terbaharu dari sumber asli yang banyak tersedia di negara ini, atau sumber dari luar yang lebih murah untuk ditambah nilai (*value added*). Sebagai contoh ada negara yang tidak mempunyai sumber aslinya tetapi ia menjadi negara pengeluar terbesar untuk dieksport, dengan sumber asli dari negara lain.

Selain itu, keupayaan menjemput pakar-pakar bagi mengajar pengusaha-pengusaha, penduduk mukim dan kampung, menghasilkan ratusan mahupun ribuan jenis produk adalah penting. Kemudian produk-produk yang terhasil dipromosikan menerusi pameran dalam dan luar negara atau menjemput pengusaha-pengusaha luar negara untuk melihat produk-produk kita atau peluang-peluang perusahaan di negara ini bagi menarik Pelaburan Langsung Asing (*FDI*).

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Titah baginda juga, walaupun kerajaan masih mampu untuk membantu pembangunan, tetapi negara perlu menjimatkan perbelanjaan dengan cara berhemah iaitu menggunakan perbelanjaan kepada projek-projek yang diberi keutamaan sahaja.

Perkara ini juga perlu berlaku di peringkat rakyat dalam pengurusan perbelanjaan terutama bagi yang menerima bantuan. Bagi mengatasi permasalahan ini adalah penting diadakan bengkel atau kursus celik kewangan. Walaupun telah ada agensi yang mengadakan bengkel ini, tetapi jangan berhenti setakat itu sahaja. Diharap dapat dilaksanakan terus menerus dengan melibatkan kepada semua peringkat penduduk mukim dan kampung, pelajar-pelajar, pegawai-pegawai dan kakitangan sektor awam atau sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Baginda juga bertitah supaya pihak-pihak berkenaan memeduli semua

permasalahan rakyat dan penduduk negara ini agar dapat ditangani melalui perundingan. Berdasarkan titah ini, jelaslah kaola dapat melihat adanya sikap baginda yang sangat pemedulian dan prihatin untuk kesejahteraan penduduk dan rakyat iaitu baginda menitikberatkan terhadap kemajuan dan pembangunan modal insan yang menjurus kepada pembangunan ekonomi terutama sekali memberi peluang anak-anak tempatan bekerja dan memegang jawatan penting di sektor swasta dan peluang-peluang keusahawanan agar tidak bergantung sepenuhnya pada kerjaya di sektor awam sahaja.

Sehubungan dengan itu, peranan proaktif dan inovatif kementerian-kementerian yang berkenaan dengan melaksanakan kursus kemahiran teknikal dan vokasional serta kejuruteraan serta menerapkan unsur-unsur *entrepreneurship* di semua peringkat adalah amat sesuai dan bertepatan dengan sebahagian dari Kerangka Kerja Wawasan 2035. Oleh itu sokongan semua pihak adalah perlu merealisasikannya.

Akhirnya sebagai penutup, marilah kita bersama-sama berdoa agar negara kita sentiasa dalam aman dan makmur serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 bagi merasmikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas

kesejahteraan dan rahmat serta hidayah dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

#### **Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf.

#### **Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf:**

Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

Kaola dengan hati yang tulus ikhlas, menyatukan diri menyokong apa juu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016 bagi merasmikan Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas

Majlis Mesyuarat Negara dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bahawa sesungguhnya baginda menitikberatkan dengan penekanan bagaimana memperkasa ekonomi oleh kerajaan sendiri termasuk bagi sektor swasta.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Sehubungan dengan itu, kaola berpendapat bahawa supaya pelabur luar diberi peluang dan kemudahan untuk mengusahakan sesuatu industri dengan kerjasama sektor swasta negara ini pada meningkatkan pendapatan negara selain daripada minyak dan gas. Di samping itu, anak-anak tempatan yang berkebolehan serta mahir di bidang masing-masing dapat bekerja dan untuk menjadi tenaga penggerak di industri tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Kaola selaku pemimpin masyarakat akar umbi sesungguhnya menyambut baik yang baginda bertitah supaya Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara meneruskan serta melipatgandakan dalam memeduli permasalahan rakyat dan penduduk negara ini sama ada mereka bermastautin di kawasan-kawasan bandar maupun di luar bandar. Ini bererti bahawa harapan baginda supaya kita peka dengan apa juu yang dihadapi

oleh mereka itu dan seterusnya tindakan susulan.

Sekian, Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

**Yang Berhormat Awang Haji Jumat**

**bin Akim:** Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Lebih dahulu saya mewakili kawasan Zon 4 sukacita turut menyokong usul yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bagi sama-sama menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan pengurniaan titah baginda pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Kedua Belas Majlis Mesyuarat Negara pada hari Sabtu, 25 Jamadilawal 1437 bersamaan 5 Mac 2016.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Saya menyifatkan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ini merupakan kompas dan pedoman untuk memandu kita semua bagi menuju destinasi yang tepat ke arah negara maju menjelang tahun 2035.

Kita semua juga amat bersyukur atas keprihatinan baginda yang penuh prihatin dan teliti mengikut persidangan dalam Dewan yang mulia ini serta melahirkan perasaan gembira bahawa Majlis Mesyuarat Negara sejauh ini telah dapat memainkan peranannya. Mudah-mudahan pada Majlis Permesyuaratan kali ini, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, kita sama-sama akan dapat menghasilkan perbincangan yang lebih konkrit dan produktif bagi kemajuan rakyat dan negara yang sama-sama kita cintai ini.

Saranan titah baginda agar kita terus berusaha mempelbagaikan ekonomi negara supaya tidak terus semata-mata bergantung pada hasil minyak dan gas perlu kita berikan perhatian dan keutamaan apatah lagi ketika negara-negara pengeluar minyak tidak terkecuali negara kita sedang menghadapi impak dari turunnya harga minyak dunia. Tidak syak lagi sektor swasta perlu diperkasa. Ini merangkumi pelbagai bidang seperti perindustrian, pertanian, perikanan, perladangan,

perkhidmatan dan keusahawanan dan sebagainya.

Kita berharap langkah-langkah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah dilaksanakan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negara seperti mempermudahkan untuk mendapatkan lesen perniagaan melalui *online* dan beberapa jenis perniagaan tidak lagi memerlukan lesen, tentunya akan mempermudahkan serta mendorong semangat rakyat negara ini untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan dan keusahawanan.

Kita percaya pihak kerajaan akan terus berusaha merancang strategi sekali gus menyediakan dan meningkatkan persekitaran yang lebih kondusif baik dari segi perundangan, peraturan, infrastruktur dan perkara-perkara lain yang diperlukan. Ini tentunya bukan hanya akan dapat merangsang minat peniaga tempatan tetapi jua akan dapat menarik pelabur asing (*FDI*). Pada masa yang sama, para usahawan khasnya dan rakyat umumnya perlu lebih proaktif, kreatif, inovatif dan produktif untuk merebut peluang-peluang yang telah disediakan itu. Untuk mengembangkan bidang perniagaan ini, satu perkara yang juga harus kita berikan tumpuan ialah mengenai para penuntut lepasan daripada institusi-institusi pengajian tinggi, pendidikan vokasional. Sejak beberapa dekad yang lampau kita telah dapat mengeluarkan ribuan lulusan vokasional seperti kejuruteraan,

mekanik kereta, mekanik pendingin udara, pendawaian letrik, *welding* dan dandan rambut, jahitan, masakan, pembuatan kek, teknologi maklumat (*IT*) termasuk penuntut lulusan dari sekolah perdagangan dan lain-lain.

Kita berharap mereka itu bergiat dan maju dalam bidang perniagaan. Tetapi apa yang kita terkilan ialah jarang sekali kita melihat mereka yang berjaya mengusahakan. Bengkel membaiki kereta, kedai menjual dan memperbaiki pendingin udara, kedai jahit, kedai gunting, bengkel *welding*, kedai elektrik, kedai membuat kek dan kuih-muih, kedai gunting rambut (*salon*) atau kedai runcit. Dalam hal ini kita perlu membuat kajian mengenai apa yang menyebabkan perkara ini berlaku. Bagaimana kita boleh mengubah minda mereka supaya menjadi *business-minded* atau fasiliti apa yang perlu disediakan untuk mereka.

Sementara itu kita melihat usaha Pelaburan Langsung Asing (*FDI*) ke negara ini telah menunjukkan peningkatan yang baik termasuk projek mega di Pulau Muara Besar yang akan dapat meningkatkan penghasilan negara dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada anak-anak tempatan untuk mengatasi masalah pengangguran.

Kita berharap usaha menarik *FDI* ini akan terus dikembangkan melalui strategi yang mapan untuk mampu bersaing dengan negara-negara jiran dan serantau. Selain sumber alam, aset yang tidak kurang pentingnya kita miliki

ialah sebuah negara Melayu Islam Beraja yang aman, makmur dan sejahtera termasuk produk nama jenama halal Negara Brunei Darussalam yang sedang kita kembangkan.

Seperti yang kita ketahui, banyak pengusaha luar negara yang berminat dengan jenama Halal Brunei. Peluang ini perlu kita rebut dan manfaatkan melalui strategi yang lebih efektif.

Menyentuh produk-produk tempatan yang dihasilkan oleh pengusaha kecil dan sederhana termasuk hasil produk Majlis Perundingan Kampung (MPK). Kita dapat perhatikan adalah semakin meningkat dan berkembang di seluruh negara. Kita harus berusaha meningkatkan kualiti dan kuantiti bagi menembusi pasaran ataupun eksport keluar negara bagi menyahut kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam hal ini kita perlu mencari mekanisme yang tepat termasuklah strategi bagaimana memasarkan produk-produk tersebut keluar negara.

Mengenai pasaran di dalam dan di luar negeri, pihak kerajaan melalui agensi dan syarikat-syarikat milik kerajaan *GLC*. Diharap akan dapat meningkatkan peranan bagi membantu usahawan-usahawan yang memerlukan.

Sementara itu peluang-peluang perniagaan dalam *BIMP-EAGA*, *ASEAN*, *APEC* dan *TPP* seperti yang disentuh dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah sangat luas. Tinggal lagi keupayaan dan keberanian peniaga-peniaga kita untuk meneroka pelbagai sektor perniagaan yang ada. Ini juga satu cabaran yang perlu kita fikirkan bersama bagaimana caranya supaya para usahawan kita tampil dan mampu bersaing atau sekurang-kurangnya dengan modal yang ada mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat di negara-negara yang sudah maju.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin memberikan sokongan sepenuhnya atas usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengambil sikap berhemah dalam perbelanjaan negara dan dalam masa yang sama masih mampu menyediakan peruntukan bagi kemajuan serta kesejahteraan rakyat dan negara.

Pada masa yang sama, kerajaan juga akan tetap menjaga kepentingan serta kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Sikap ini perlu disokong dan didukung oleh semua agensi dalam kerajaan termasuk orang ramai agar tidak melakukan pembaziran terutama

dalam sama-sama menghadapi situasi ekonomi dunia ketika ini.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam menghadapi pelbagai situasi dan persekitaran dalam usaha membangun negara, memajukan ekonomi dan dalam usaha bersaing di arena antarabangsa dan seumpamanya asset penting yang perlu ada ialah sumber kerja manusia yang berilmu, berkepakaran, berkemahiran, berketerampilan dan ke arah itu maka sumber tenaga manusia hendaklah kita mantapkan, tidak lain dan tidak bukan ialah melalui pendidikan yang berkelas dunia.

Dalam menyediakan keperluan tenaga kerja, kita jangan lupa keperluan sektor *3D* yang membawa makna *dangerous, difficult and dirty* (bahaya, susah dan kotor). Sektor ini perlu diberi penjenamaan yang baharu dan tawaran gaji yang lumayan supaya lebih menarik dan *glamour* agar belia berminat menceburji bidang tersebut.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Dalam usul menjunjung kasih ini, kaola berharap agar isu-isu dan cadangan-cadangan yang relevan dan bermanfaat yang telah dibincangkan pada Musim Permesyuaratan yang lalu termasuk yang akan dibincangkan pada masa ini supaya akan dapat dibuat susulan khususnya bagi yang belum dilaksanakan selaras dengan kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Mudah-mudahan kerjasama baik antara kementerian dan agensi kerajaan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara akan dapat diteruskan dan ditingkatkan lagi bagi memenuhi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha bersama meningkatkan memeduli permasalahan rakyat dan penduduk di seluruh negara.

Insya-Allah, mudah-mudahan dengan kombinasi semua kementerian apa juar perancangan strategi negara akan dapat dicapai dengan kejayaan bagi menepati apa juar yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sekian, wabilahi taufik walhidayah. Wassalammu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Kita telah pun mendengar beberapa kenyataan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dan dalam senarai saya masih ada seorang lagi Ahli Yang Berhormat membuat ucapan. Agak lewat sedikit, barangkali kita perlu berehat untuk menunaikan solat Asar. Maka, ada baiknya persidangan ini kita tangguhkan sehingga pada esok hari iaitu hari

Selasa, 28 Jamadilawal 1437 bersamaan 8 Mac 2016, pukul 9.00 pagi.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**